

PRODUCT DISCLOSURE SHEET	MCIS Insurance Berhad
Read this Product Disclosure Sheet before you decide to purchase MyTenang. Be sure to also read the general terms and conditions in the policy contract.	MyTenang

1. What is this product about?

MyTenang is a Yearly Renewable Term (YRT) life assurance plan. This policy provides 24 hours' worldwide protection to the Insured for death due to non-accidental or accidental causes.

2. What are the covers / benefits provided?

This policy covers:

Non-Accidental Death Benefit	100% of the Basic Sum Assured payable, upon death of the life assured due to non-accidental causes (subject to the waiting period of 60 days).
Accidental Death Benefit	Benefit payable upon death of the life assured due to accidental causes as per the table below.

Plan	Basic Sum Assured	Non-Accidental Death Benefit	Accidental Death Benefit
A	RM5,000	RM5,000	RM25,000
B	RM10,000	RM10,000	RM30,000

3. How much premium do I have to pay?

The premium to be paid depends on the plan chosen:

Plan	Annual Premium	Basic Sum Assured	Non-Accidental Death Benefit	Accidental Death Benefit
A	RM50	RM5,000	RM5,000	RM25,000
B	RM75	RM10,000	RM10,000	RM30,000

Note: In the first year, premium payment will be covered by the Perlindungan Tenang Voucher. For the subsequent renewals, premiums can be paid by customers using the available premium payment methods stated in the policy contract.

4. What are the fees and charges I have to pay?

10% commission will be paid to the sales agent from the premium collected.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- i. Duty of disclosure - You must disclose all material facts which you know or ought to know such as your age. You must ensure that all information provided are complete and accurate as these form the basis of the insurance contract.
- ii. Eligibility - The coverage will be incepted only after your eligibility for the Perlindungan Tenang voucher has been confirmed.
- iii. Age limit – 18 years old to 60 years old next birthday, renewal up to 65 years old next birthday.
- iv. You are entitled to a free-look/cooling-off period of fifteen (15) calendar days from the date of policy inception to review the suitability of the policy. You may thus cancel the policy during this free-look/cooling- and the Perlindungan Tenang voucher can be re-used for another Perlindungan Tenang plan.
- v. Grace Period- Thirty (30) days from premium due date. If any premium remains unpaid at the end of the grace period, the Policy shall lapse.
- vi. Waiting Period – During the first 60 days from the issuance of the policy, no benefit will be paid for death due to non-accidental causes. The waiting period does not apply upon the renewal of the policy.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of terms and conditions under this policy.

6. What are the major exclusions under this policy?

The benefits under this plan will not cover any death caused directly or indirectly, wholly or partly, by any of the following occurrences:

- i. Any willful exposure to danger, suicide or intentional self-injury
- ii. Any unlawful activities or at the hands of justice
- iii. War, invasion, rebellion, terrorism
- iv. Participation in civil unrest

PRODUCT DISCLOSURE SHEET	MCIS Insurance Berhad
Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out MyTenang. Be sure to also read the general terms and conditions in the policy contract.	MyTenang

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of terms and conditions under this policy.

7. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy by giving a written notice to MCIS Life. The cancellation form can be obtained from MCIS Life branches or website. The completed cancellation form must be provided to MCIS Life via its branches or email (customerservice@mcis.my). Please be informed that there is no surrender value for this product.

You are also entitled to a free-look/cooling-off period of fifteen (15) calendar days from the date of policy inception to review the suitability of the policy. Please note there will be no premium reimbursements and the Perlindungan Tenang voucher cannot be re-used either for another Perlindungan Tenang plan.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details (including that of the nominee and/or trustee) to ensure that all correspondences reach you and/or your nominee/trustee in a timely manner.

9. Claims Notification

If any event happens which may give rise to a claim, the following documents must be provided to MCIS Life via email or by submitting documents through its branches or representatives:

- Death Claims Form
- Death Certificate
- Life Assured's NRIC copy
- Police Report (for Accidental Death)
- Nominee's NRIC copy
- E-payment Application Form (with nominee's details)

The Death Claims Form & E-Payment Application Form can be obtained from <https://www.mcis.my/Customer-Care/Download-Forms>

Claims will be assessed and paid to the beneficiary within 5 working days after the complete documentation has been provided. To check on the claim status, please contact MCIS Life:

- Email : customerservice@mcis.my
- Contact Number : 03 – 7652 3388 [Monday to Friday – 8:30am to 5:30pm (Excluding public holidays)]

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about life insurance, please refer to the Insurance Info section available on our corporate website at www.mcis.my.

If you have any enquiries, please contact us at:

MCIS Insurance Berhad (435318-U)

Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Mailing Address: P.O. Box 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: 03-7652 3388 Fax: 03-7957 1562

Email: customerservice@mcis.my

Homepage: www.mcis.my

11. Other similar types of plan available?

Please refer to our branches, agents or our website www.mcis.my for other similar types of cover available.

IMPORTANT NOTE:
BUYING LIFE INSURANCE POLICY IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF POLICY THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

An Initiative By:



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan MyTenang. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am kontrak polisi.	MyTenang

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

MyTenang ialah pelan insurans hayat Tempoh Diperbaharui Tahunan (YRT). Polisi ini memberikan perlindungan sedunia 24 jam kepada Hayat Diinsuranskan bagi kematian bukan akibat kemalangan atau akibat kemalangan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan	100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar, apabila berlaku kematian hayat diinsuranskan bukan akibat kemalangan (tertakluk kepada tempoh menunggu 60 hari).
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Manfaat yang dibayar apabila berlaku kematian hayat diinsuranskan akibat kemalangan adalah mengikut jadual dibawah.

Pelan	Jumlah Asas Diinsuranskan	Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan
A	RM5,000	RM5,000	RM25,000
B	RM10,000	RM10,000	RM30,000

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu dibayar adalah mengikut pelan yang dipilih:

Pelan	Premium Tahunan	Jumlah Asas Diinsuranskan	Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan
A	RM50	RM5,000	RM5,000	RM25,000
B	RM75	RM10,000	RM10,000	RM30,000

Perhatian: Pada tahun pertama, pembayaran premium akan ditanggung oleh Baucar Perlindungan Tenang. Untuk pembaharuan seterusnya, premium boleh dibayar oleh pelanggan menggunakan kaedah pembayaran premium sedia ada yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen 10% akan dibayar kepada ejen jualan daripada premium yang dikumpulkan.

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

- i. Kewajipan pendedahan – Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda ketahui atau patut ketahui seperti umur anda. Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat kerana ia membentuk asas kontrak insurans.
- ii. Kelayakan – Perlindungan akan bermula hanya setelah kelayakan anda untuk baucar Perlindungan Tenang disahkan.
- iii. Had umur – 18 tahun hingga 60 tahun pada hari jadi seterusnya, pembaharuan sehingga umur 65 tahun pada hari jadi seterusnya.
- iv. Anda layak menerima tempoh percubaan percuma / bertenang lima belas (15) hari kalendar dari tarikh permulaan polisi untuk menilai kesesuaian polisi. Anda boleh membatalkan polisi dan dan baucar Perlindungan Tenang boleh digunakan semula untuk satu lagi pelan Perlindungan Tenang.
- v. Tempoh Tangguh – Tiga puluh (30) hari dari tarikh kena bayar premium. Jika sebarang premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tangguh, Polisi akan luput.
- vi. Tempoh Menunggu – Dalam tempoh 60 hari pertama selepas pengeluaran polisi, tiada manfaat akan dibayar bagi kematian bukan akibat kemalangan. Tempoh menunggu tidak dikenakan bagi pembaharuan polisi.

Perhatian: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan MyTenang. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am kontrak polisi.	MyTenang

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Manfaat di bawah pelan ini tidak akan melindungi apa-apa kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana kejadian berikut:

- i. Sebarang pendedahan sengaja kepada bahaya, bunuh diri atau kecederaan disengajakan
- ii. Sebarang perbuatan menyalahi undang-undang atau tindakan yang diambil oleh penguatkuasa undang-undang
- iii. Peperangan, serangan, pemberontakan, keganasan
- iv. Penyertaan dalam kekacauan awam

Perhatian: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Life. Borang pembatalan diperoleh daripada cawangan dan laman web MCIS Life. Borang pembatalan lengkap mesti diserahkan kepada MCIS Life menerusi cawangannya atau e-mel (customerservice@mcis.my). Dengan ini dimaklumkan bahawa produk ini tiada nilai serahan.

Anda juga layak menerima tempoh percubaan percuma/bertenang 15 hari kalendar dari tarikh permulaan polisi untuk menilai kesesuaian polisi. Perhatian bahawa pembayaran balik premium tidak akan dibuat dan baucar Perlindungan Tenang tidak boleh digunakan semula untuk satu lagi pelan Perlindungan Tenang.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan anda (termasuk butir-butir hubungan penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan semua surat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

9. Pemberitahuan Tuntutan

Jika berlaku kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, dokumen berikut mesti diberikan kepada MCIS Life menerusi e-mel atau dengan mengemukakan dokumen menerusi cawangan atau wakil:

- Borang Tuntutan Kematian
- Sijil Kematian
- Salinan Kad Pengenalan Hayat Diinsuranskan
- Laporan Polisi (untuk Kematian Akibat Kemalangan)
- Salinan KP Penama
- Borang Permohonan E-Bayaran (dengan butiran penama)

Borang Tuntutan Kematian & Borang Permohonan E-Bayaran boleh diperolehi daripada <https://www.mcis.my/Customer-Care/Download-Forms>

Tuntutan akan dinilai dan dibayar kepada benefisiari dalam masa 5 hari kerja selepas dokumentasi lengkap diserahkan. Untuk menyemak status tuntutan, sila hubungi MCIS Life:

- E-mel : customerservice@mcis.my
- Nombor Hubungan : 03 – 7652 3388 [Isnin hingga Jumaat – 8:30pg hingga 5:30ptg (Kecuali cuti umum)]

10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk kepada bahagian Info Insurans yang boleh didapati di laman web korporat kami di www.mcis.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad (435318-U)

Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Surat-Menyurat: Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: 03-7652 3388 Faks: 03-7957 1562

E-mel: customerservice@mcis.my

Laman utama: www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan MyTenang. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am kontrak polisi.	MyTenang

11. Apakah pelan serupa lain yang disediakan?

Sila rujuk kepada cawangan, ejen atau laman web kami www.mcis.my untuk jenis perlindungan serupa lain yang disediakan.

NOTA PENTING:
PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Inisiatif oleh:

